

Perkembangan Sektor Perbankan di Pulau Pinang: Kajian Berdasarkan Akhbar-akhbar Terpilih, 1942-1945

The Development of the Banking Sector in Penang: A Study Based on Selected Newspapers, 1942-1945

Nurul Ain Azman, Norasmahani Hussain* & Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding Author : norasmahani@usm.my

Abstrak

Penulisan ini meneliti perkembangan sektor perbankan di Pulau Pinang semasa pendudukan Jepun antara 1942 sehingga 1945 yang dianalisis melalui laporan di dada-dada akhbar seperti *Syonan Shimbun*, *Penang Shimbun* dan *Malai Sinpo*. Perbincangan difokuskan kepada program-program perbankan yang diperkenalkan oleh Pentadbiran Tentera Jepun yang telah menyumbang kepada perkembangan sektor perbankan di Pulau Pinang. Penulisan ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif yang menggunakan sumber-sumber primer dari Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, Koleksi Malaysiana dan Arkib Perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia (USM), Arkib Negara Malaysia cawangan Pulau Pinang dan Arkib Perpustakaan Digital National University of Singapore (NUS) dan sumber-sumber sekunder dari Perpustakaan Hamzah Sendut 1 USM dan Perpustakaan Awam Pulau Pinang. Penggunaan akhbar *Syonan Shimbun*, *Penang Shimbun* dan *Malai Sinpo* dalam kajian ini adalah disebabkan kerana akhbar-akhbar ini mempunyai kekuatan dari segi pemaparan laporan bersifat semasa yang boleh disokong dengan kenyataan dokumen sejarah seperti BMA Records CASM (FIN) 012 dan D.C.C.A.O 184/1945. Hasil kajian mendapati sektor perbankan di Pulau Pinang berkembang secara progresif berikutan pembukaan banyak bank asing dan bank tempatan yang kesemuanya dikawal sepenuhnya oleh Pentadbiran Tentera Jepun. Pengenalan skim loteri, skim deposit tetap berserta bonus, skim bonus akaun simpanan, skim tiket wayang percuma bagi simpanan mingguan dan kempen simpanan secara berterusan oleh Pentadbiran Tentera Jepun telah merancakkan lagi sektor perbankan di Pulau Pinang. Matlamat pelaksanaan program-program perbankan ini adalah untuk mengawal masalah inflasi ekoran cetakan duit pokok pisang secara tidak terkawal.

Kata Kunci: Pentadbiran Tentera Jepun; sektor perbankan; *Syonan Shimbun*; *Penang Shimbun*; *Malai Sinpo*

Abstract

This paper examines the development of the banking sector in Penang during the Japanese occupation between 1942 and 1945 which was analyzed through reports in newspapers such as the Syonan Shimbun, Penang Shimbun and Malai Sinpo. The discussion focused on banking programs introduced by the Japanese Military Administration that have contributed to the development of the banking sector in Penang. This paper uses qualitative research methods that use primary sources from the National Archives of Malaysia Kuala Lumpur, Malaysiana collection, and Hamzah Sendut Library Archives at Universiti Sains Malaysia (USM), the National Archives of Malaysia Penang branch, and the National University of Singapore (NUS) Digital Library Archives, as well as secondary sources from the Hamzah Sendut 1 USM Library and the Penang Public Library. The use of Syonan Shimbun, Penang Shimbun and Malai Sinpo newspapers in this study is due to the fact that these newspapers have the strength in terms of the presentation of current reports that can be substantiated by the statements of historical documents such as BMA Records CASM (FIN) 012 and D.C.C.A.O 184/1945. The study found that the banking sector in Penang developed progressively following the opening of many foreign and local banks, all of which were fully controlled by the Japanese Military Administration. The introduction of a lottery scheme, a fixed deposit scheme with a bonus, a savings account bonus scheme, a free movie ticket scheme for weekly savings, and a continuous savings campaign by the Japanese Military Administration has further boosted the banking sector in Penang. The aim of the implementation of these banking programs was to control the problem of inflation due to the uncontrolled printing of banana money.

Keywords: Japanese Military Administration; banking sector; Syonan Shimbun; Penang Shimbun; Malai Sinpo

PENGENALAN

Bank ialah institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan seperti perkhidmatan penyimpanan wang, penukaran mata wang, pemberian pinjaman dan juga pelaburan (Sheikh Othman Sheikh Salim 2007). Bank juga mempunyai pelbagai fungsi berdasarkan pengelasan seperti bank pusat, bank simpanan, bank perdagangan, syarikat kewangan dan pelbagai fungsi lain lagi. Manakala perbankan boleh didefinisikan sebagai aktiviti yang berkaitan dengan bank atau urus niaga yang melibatkan bank (Sheikh Othman Sheikh Salim 2007). Sektor perbankan merupakan salah satu sektor yang penting kepada aspek ekonomi kerana sektor ini berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, dan juga membantu menyokong ekonomi secara berkesan kerana adanya kemudahan tunai yang disediakan melalui pemberian pinjaman kepada mana-mana badan perniagaan yang memerlukan (Zulkefly Abdul Karim et al 2008).

Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik memperlihatkan Jepun memperluaskan kuasa dan pengaruhnya ke selatan berlandaskan ideologi imperialismnya. Di bawah ideologi imperialisme ini, terdapatnya konsep Gagasan Lingkungan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya yang menggalakkan jaringan kerjasama ekonomi dengan negara-negara yang dijajah atau yang diduduki oleh Jepun demi mewujudkan blok negara-negara Asia yang diketuai oleh Jepun yang bebas daripada pengaruh kuasa Barat (Iriye 1999). Sehubungan itu, sektor perbankan turut diberi perhatian oleh Jepun ketika ia menduduki Tanah Melayu. Berikut ialah ulasan Iriye (1999) mengenai Gagasan tersebut,

... in 1940 in an attempt to create a Great East Asia, comprising Japan, Manchukuo, China, and parts of Southeast Asia, that would, according to imperial propaganda, establish a new international order seeking “co-prosperity” for Asian countries which would share prosperity and peace, free from Western colonialism and domination of the White man.

Menurut Iriye (1999) lagi, walaupun gagasan tersebut secara dasarnya mempromosikan kerjasama ekonomi dengan negara-negara yang ditakluki oleh Jepun, namun Jepun sebenarnya berhasrat untuk memanipulasi penduduk dan ekonomi tempatan demi kepentingan Imperial Jepun. Perkara ini dapat dilihat apabila Pentadbiran Tentera Jepun (*Japanese Military Administration*) mengawal sepenuhnya sektor ekonomi ketika menduduki Tanah Melayu. Melalui kawalan penuh terhadap sektor ini, pentadbiran ekonomi Jepun di kawasan-kawasan yang didudukinya termasuk di Pulau Pinang antara tahun 1942 sehingga 1945 dikawal secara ketat terutamanya untuk pengeluaran bahan mentah bagi menyokong usaha perang oleh orang Jepun (McClain 2002). Maka atas sebab itulah A. Ghapa Harun dan Rupawan Ahmad (1996) berpendapat bahawa konsep Gagasan Lingkungan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya tidak lebih sebagai retorika ideologi penjajahan yang bertujuan mewajarkan tindakan Jepun menakluki negara-negara di Asia.

Selain itu, Pentadbiran Tentera Jepun turut mengawal sepenuhnya sektor perbankan kerana sektor ini menentukan kelancaran pentadbiran ekonomi Jepun di negeri-negeri Tanah Melayu terutama Pulau Pinang sekitar tahun 1942 sehingga 1945. Antara langkah awal oleh Pentadbiran Tentera Jepun dalam mengurus tadbir sektor perbankan di Pulau Pinang adalah dengan menubuhkan bank milik Jepun iaitu Yokohama Specie bagi mengawal selia segala aktiviti melibatkan kewangan yang terdapat di negeri berkenaan (Kratoska 1998). Walau pun begitu, Pentadbiran Tentera Jepun masih membenarkan bank-bank yang sedia ada seperti the Indian Bank, Post Office Savings Bank dan Ban Hin Lee Bank untuk terus beroperasi namun kesemua bank tersebut mesti mematuhi dasar dan polisi kewangan dan perbankan yang ditetapkan oleh Jepun (Kratoska 1998). Walau bagaimanapun, bank-bank perdagangan milik British, iaitu musuh yang sedang berperang dengan Jepun pada ketika itu, telah disekat daripada meneruskan operasi. Antara bank perdagangan milik British berkenaan ialah Chartered Bank, the Hongkong & Shanghai Bank dan the Mercantile Bank of India (Kratoska 1998). Tindakan tegas oleh Pentadbiran Tentera Jepun terhadap bank-bank yang dimiliki oleh musuh Jepun itu secara tidak langsung turut menjelaskan penduduk di Pulau Pinang yang mempunyai akaun dengan bank-bank tersebut.

Kajian mengenai perkembangan sektor perbankan di Pulau Pinang semasa pendudukan Jepun antara 1942 sehingga 1945 dan impaknya kepada sektor perbankan dan juga penduduk tempatan yang dilihat dari perspektif akhbar masih kurang dihasilkan oleh penyelidik terdahulu. Buku penyelidikan oleh Paul H. Kratoska (1998) yang berjudul "*The Japanese Occupation of Malaya: A Social and Economic History*" misalnya ada menyentuh tentang sektor ekonomi perbankan semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu dalam bab ketujuh iaitu *Currency and Banking*. Penulis membincangkan sektor ekonomi perbankan ini dengan menghuraikan perbezaan fungsi antara bank milik asing dan bank milik tempatan yang terdapat di Tanah Melayu secara menyeluruh tanpa memfokuskan kepada mana-mana negeri secara spesifik. Walau bagaimanapun, ketika mengulas tentang ketidakstabilan sektor perbankan ekoran pengenalan dasar Jepun yang dilihat berat sebelah kepada bank-bank milik Jepun, penulis ada menyebut secara sepintas lalu mengenai nama persatuan dan bank-bank tempatan di Pulau Pinang yang terjejas akibat peraturan yang diperkenalkan oleh Pentadbiran Tentera Jepun tersebut. Maka penulisan ini secara jelas tidak menulis isu mengenai sektor perbankan di Pulau Pinang secara mendalam bagi tempoh masa pendudukan Jepun di Pulau Pinang.

Penyelidikan seterusnya oleh Paul H. Kratoska (1992) yang berjudul “*Banana Money: Consequences of the Demonetization of Wartime Japanese Currency in British Malaya*” pula memfokuskan mengenai situasi di Tanah Melayu pada ketika sebelum, semasa dan selepas pendudukan Jepun yang berkait dengan isu penggunaan mata wang dan institusi perbankan yang terlibat sebelum dan selepas pengenalan Dolar Jepun. Penulis mengulas isu-isu ini dengan mendalam dengan menggunakan data-data dan rekod-rekod perbankan yang menunjukkan keadaan semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan selepas diambil alih oleh British. Maka penyelidikan ini juga secara jelas tidak memfokuskan perbincangan di Pulau Pinang secara khusus mengenai isu-isu berkenaan. Sehubungan itu, perbincangan mengenai perkembangan sektor perbankan di Pulau Pinang dan kesannya terhadap penduduk tempatan semasa Pentadbiran Tentera Jepun antara tahun 1942 hingga 1945 adalah merupakan fokus penulisan ini.

Penyelidikan oleh Andrew Barber (2010) yang bertajuk “*Penang at War: A History of Penang During and Between the First and Second World Wars, 1914-1945*” ada mengulas mengenai tindakan Pentadbiran Tentera Jepun yang menutup bank-bank milik British dan membuka bank-bank milik Jepun di Pulau Pinang secara sepantas lalu. Manakala penyelidikan oleh Lim Beng Kooi (1973/74) yang bertajuk ‘*The Japanese Occupation in Penang, 1941-45*’ juga memfokuskan perbincangan mengenai aspek ekonomi di Pulau Pinang semasa Pentadbiran Tentera Jepun secara umum tanpa memfokuskan kepada sektor perbankan. Maka adalah jelas bahawa Barber (2010) dan Lim Beng Kooi (1973/74) tidak membincangkan secara spesifik dan mendalam mengenai pelaksanaan dasar dan polisi Jepun yang mengawal sektor perbankan secara total dalam tempoh masa Perang Dunia Kedua dan kesannya terhadap penduduk setempat.

Penyelidikan oleh Yoji Akashi dan Mako Yoshimura (2008) yang bertajuk “*New Perspectives on the Japanese Occupation in Malaya and Singapore, 1941-1945*” pula ada membincangkan tentang dasar ekonomi Jepun di Tanah Melayu dalam bab *Japan’s economic policy for occupied Malaya*. Perbincangan lebih menjurus kepada dasar ekonomi dan pendudukan Jepun di Tanah Melayu yang berkaitan dengan pengeksploitasi bahan mentah, perdagangan import eksport terutamanya pengimportan beras, pengeluaran hasil bijih timah dan pengawalan estet getah. Manakala perbincangan mengenai data kewangan bagi penstrukturran semula Tanah Melayu pada tahun 1945 dibuat secara umum tanpa memfokuskan kepada mana-mana negeri di Tanah Melayu. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa dasar ekonomi sektor perbankan di Pulau Pinang yang dikawal sepenuhnya oleh Pentadbiran Tentera Jepun tidak disentuh secara komprehensif.

Seterusnya penyelidikan oleh Quah Seng Sun (2021) iaitu “*Ten Thousand Prosperities: The Story of Ban Hin Lee Bank*” memfokuskan perbincangan mengenai perkembangan bank Ban Hin Lee dalam sektor perbankan antara tahun penubuhan iaitu 1918 sehingga era pasca-kemerdekaan iaitu 2000. Bank Ban Hin Lee adalah merupakan tempatan pertama di Pulau Pinang dan telah berkembang ke tahap yang mengagumkan dengan mempunyai cawangan di seluruh Malaysia dan di Singapura yang kemudiannya telah bergabung dengan Southern Bank pada tahun 2000. Walaupun penulis telah merangkumkan kesemua data perbankan berkaitan bank Ban Hin Lee secara komprehensif, namun perbincangan mengenai perkembangan dan operasi bank ini pada zaman pendudukan Jepun dibuat secara sepantas lalu. Penulis juga kurang menyentuh tentang kesan pelaksanaan dasar dan polisi Jepun dalam sektor ekonomi perbankan terhadap penduduk setempat.

Manakala penyelidikan oleh Noor Hayati Harun (1992) yang bertajuk “*Sejarah Sistem Kewangan Zaman Jepun di Tanah Melayu, 1941-1945*” pula memfokuskan mengenai sejarah sistem kewangan dan perkembangan sektor perbankan sewaktu zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Penulis telah mempersembahkan data-data kewangan dalam perbincangannya secara jelas dan menyeluruh tanpa memfokuskan perbincangan secara spesifik kepada mana-

mana negeri di Tanah Melayu. Adalah jelas bahawa penulis tidak membincangkan isu perkembangan sektor perbankan di Pulau Pinang dan kesannya terhadap penduduk setempat dalam tempoh 1942 hingga 1945 yang merupakan fokus penulisan ini.

Ringkasnya, penyelidikan mengenai perkembangan sektor perbankan yang memfokuskan secara khusus di Pulau Pinang dan kesannya terhadap penduduk setempat ketika zaman Pentadbiran Tentera Jepun antara tahun 1942 hingga 1945 masih kurang dilakukan. Sebahagian besar kajian sebelum ini membincangkan perkembangan sistem kewangan dan sektor perbankan di Tanah Melayu pada era pendudukan Jepun secara menyeluruh dan adalah sangat sedikit kajian yang memfokuskan pada skala yang lebih mikro iaitu pada peringkat lokal seperti negeri Pulau Pinang atau mana-mana negeri yang lain yang telah dilakukan. Selain itu, kajian-kajian lepas ini juga lebih banyak menggunakan sumber-sumber kolonial dalam membincangkan isu perbankan ketika era pendudukan Jepun di Tanah Melayu ini. Walau pun sumber kolonial dapat menunjukkan gaya hidup dan pola pemerintahan kolonial secara terperinci, namun perkara-perkara yang tidak mempunyai kaitan dengan kepentingan pemerintahan kolonial jarang diberikan perhatian secara mendalam (Rahimin Affandi Abd. Rahim & Siti Maimunah Binti Kahal 2017).

Sehubungan itu, bagi mengimbangi perbincangan yang berdasarkan sumber-sumber kolonial tersebut maka penulisan ini turut menggunakan sumber tempatan iaitu akhbar-akhbar di Tanah Melayu secara umumnya dan di Pulau Pinang secara khususnya dalam membincangkan isu sektor perbankan ini supaya isu ini dapat dianalisis secara mendalam dari sudut pandang yang lebih pelbagai. Penggunaan sumber akhbar seperti *Syonan Shimbun*, *Penang Shimbun* dan *Malai Sinpo* dalam penulisan ini boleh mengetengahkan isu yang bersifat semasa berdasarkan laporan akhbar-akhbar tersebut.

Akhbar *Penang Shimbun* dan *Malai Sinpo* ini adalah merupakan antara akhbar yang diterbitkan dan diselia atau dipantau oleh Jepun. Akhbar-akhbar seliaan Jepun ini mula diterbitkan dalam tahun 1942. Menurut Mohd. Dhari Othman (1992), ketika Tanah Melayu diduduki oleh tentera Jepun, hampir semua akhbar di Tanah Melayu yang telah wujud sejak sebelum tercetusnya Perang Dunia Kedua telah dihentikan penerbitannya kerana Jepun telah mula menerbitkan akhbarnya sendiri untuk tujuan propaganda. Akhbar-akhbar yang diselia oleh Jepun itu menggunakan bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Cina sebagai medium. Akhbar yang menggunakan bahasa Inggeris adalah seperti *Malai Sinpo* (1943-1945) yang diterbitkan di Kuala Lumpur; *Penang Daily News* (1942) yang kemudiannya digantikan oleh *Penang Shimbun* (1942-1945) diterbitkan di Pulau Pinang; dan *Shonan Shimbun* (1942-1945) yang diterbitkan oleh *Shonan Times* di Singapura (Huen 1970). Manakala untuk versi bahasa Melayu pula masih menggunakan nama yang sama iaitu *Penang Shimbun* (1942-1945), tetapi akhbar ini mempunyai editor Melayu sendiri iaitu Ibrahim Mahmud; dan akhbar Jepun berbahasa Cina pula ialah *Syonan Shimbun* (1942-1945) dan *Melaka New Newspaper* (Mei-September 1942) (Mohd. Dhari Othman 1992).

Gambar 1, Bank Jepun yang terdapat di Pulau Pinang



Sumber: *Malai Sinpo*, 22 Mei 2603 (1943)

Akhbar-akhbar yang dikawal selia oleh Jepun ini menjadi wadah untuk Jepun berkempen bagi mendapatkan sokongan penduduk tempatan terhadap pendudukan kuasa Jepun di Tanah Melayu. Selain berita-berita berbentuk propaganda, akhbar-akhbar ini turut memuatkan berita tentang hal ehwal bank dan isu-isu perbankan yang diurus tadbir oleh Pentadbiran Tentera Jepun antara tahun 1942 sehingga 1945. Antara bank yang kerap diberi liputan oleh akhbar-akhbar Jepun ini ialah bank-bank milik Jepun yang baharu ditubuhkan ketika tempoh pendudukan Jepun seperti Yokohama Specie Bank, Nippon Government Post Office Savings Bank, bank Nanpo Kaihatsu Kinko dan People's Bank. Walaupun begitu, masih terdapat beberapa bank bukan milik Jepun yang turut diberi liputan oleh akhbar-akhbar Jepun ini seperti Ban Hin Lee Bank, Indian Overseas Bank Ltd dan Oversea-Chinese Banking Corporation Ltd. Latar belakang bank-bank ini dibincangkan secara ringkas dalam subtopik-suptopik berikutnya.

JEPUN MENGAWAL OPERASI PERBANKAN DI PULAU PINANG

Pendudukan Jepun di Pulau Pinang bermula pada tanggal 17 Disember 1941 dan tidak lama selepas itu, iaitu pada bulan Mac 1942, Pentadbiran Tentera Jepun telah menubuhkan bank asing baharu di Pulau Pinang yang dimiliki oleh Jepun iaitu Yokohama Specie Bank yang berfungsi sebagai Pejabat wang pentadbiran ketenteraan Jepun yang utama. Bank Yokohama Specie berfungsi untuk mengawal selia segala aktiviti melibatkan wang di Pulau Pinang yang berlandaskan dasar yang ditetapkan oleh Jepun (Kratoska 1998). Sejak dari itu, sektor ekonomi perbankan di Pulau Pinang berada dalam situasi yang mencabar kerana sektor ini dikawal sepenuhnya oleh Jepun, yang pada masa yang sama ia sedang terlibat secara aktif dalam saingan Perang Dunia Kedua bagi menentang Pihak Berikat (Noriah Jalil 1986). Perkara ini menjelaskan sebab musabab Pentadbiran Tentera Jepun mengambil tindakan yang keras terhadap bank-bank asing lain yang telah lama beroperasi di Pulau Pinang khususnya bank-bank yang dimiliki oleh British yang merupakan musuhnya dalam Perang Dunia Kedua.

Kesemua bank asing yang dimiliki oleh British seperti Chartered Bank, Hongkong & Shanghai Bank, Mercantile Bank of India Ltd, Netherlands Trading Society dan Bank of

China yang dilihat sebagai bank musuh kepada Jepun telah diarahkan oleh Pentadbiran Tentera Jepun untuk ditutup dan baki wang simpanan dalam akaun bank-bank berkenaan telah dirampas oleh Jepun (BMA No. 506/10 1943-1947). Selain itu, semua sekuriti kewangan seperti sekuriti ekuiti iaitu saham; dan sekuriti hutang seperti bon dan cagaran juga telah diambil oleh Jepun atas alasan ia sebagai penjaga kepada harta milik musuh (BMA No. 506/10 1943-1947). Tindakan Pentadbiran Tentera Jepun tersebut selari dengan pendirian Menteri Kabinet Jepun yang menurut McClain (2002) telah dinyatakan seperti berikut: “*There are no restrictions. They are enemy possessions. We can take them; do anything we want.*”

Namun, Pentadbiran Tentera Jepun menafikan perbuatan rampasan baki wang simpanan dan sekuriti-sekuriti bank-bank tersebut dengan menegaskan bahawa ia tidak mengetahui tentang rekod kewangan bank-bank musuh tersebut dan sekuriti-sekuriti tersebut adalah tidak wujud kerana tiada rekod yang mencatat butiran sekuriti-sekuriti tersebut secara terperinci (D.C.C.A.O 184/1945). Walau bagaimanapun, seorang akauntan berbangsa Cina yang bekerja di Yokohama Specie Bank pada ketika itu iaitu Tan Phee Khoon mengesahkan bahawa rekod sekuriti-sekuriti kewangan tersebut telah dimusnahkan oleh Pentadbiran Tentera Jepun sewaktu ia menduduki dan mentadbir Pulau Pinang (D.C.C.A.O 184/1945). Malah akhbar *Penang Shimbun* juga pernah melaporkan mengenai arahan pembekuan dan perampasan aset bank-bank milik British itu oleh Pentadbiran Tentera Jepun.

Pentadbiran Tentera Jepun sebaliknya bertindak lebih bertimbang rasa kepada bank-bank asing bukan milik British. Terdapat beberapa bank asing bukan milik British telah diberikan kebenaran untuk dibuka semula dan diteruskan operasi masing-masing (Huff 2020). Bank-bank yang terlibat adalah seperti Hin Lee Bank, Post Office Savings Bank, Nanpo Kaihastu Kinko (bank ini dijenamakan semula oleh Jepun daripada nama asalnya iaitu the Netherlands Trading Society Commercial Bank), People's Bank, Oversea-Chinese Banking Corporation Ltd, Indian Overseas Bank Ltd dan Indian Bank Ltd (Huff 2020). Akhbar *Malai Sinpo* misalnya ada melaporkan nama-nama bank yang dibenarkan beroperasi oleh Pentadbiran Tentera Jepun dalam tempoh pendudukan Jepun di Pulau Pinang.

Gambar 2, Nama-nama bank milik musuh Jepun yang dibekukan oleh Pentadbiran Tentera Jepun bagi urusan penyimpanan dan pengeluaran wang.



Sumber: *Penang Shimbun*, 26 April 1942 (1942)

Yokohama Specie Bank

Bank milik Jepun yang dikenali sebagai Yokohama Specie Bank mula beroperasi di Pulau Pinang semasa pendudukan Jepun (BMA No. 506/10 1943-1947). Bank ini beroperasi sebagai organisasi perbankan awam biasa di Pulau Pinang dan terletak di sekolah tadika kesatuan, beralamat 219 Jalan Burma. Pada awal pembukaan bank Yokohama Specie ini, bank ini diurus oleh seorang pengurus berbangsa Jepun bernama J. Ishiseki bersama dua orang akauntan bernama Tiba dan Hayashi serta seorang ketua kerani yang bernama Mr. Tan Phee Khoon (BMA No. 506/10 1943-1947). Waktu operasi perniagaan bagi bank ini bermula pada jam 10.00 pagi sehingga 3.00 petang pada hari bekerja manakala pada hari Sabtu bermula jam 10.00 pagi sehingga 1.00 petang. Waktu operasi bank ini dikatakan mengikut waktu bekerja di Nippon (Jepun) (*Malai Sinpo*, 22 Mei 2603).

Memandangkan Yokohama Specie Bank ditubuhkan oleh Jepun, maka bank ini menjadi sebuah organisasi yang mengawal selia bank-bank lain yang terdapat di negeri Pulau Pinang dan menjadi tulang belakang kepada Pentadbiran Tentera Jepun di negeri tersebut (BMA No. 506/10 1943-1947). Sebagai contoh, Yokohama Specie Bank telah menawarkan

bantuan pinjaman kepada bank-bank tempatan sehingga \$10,000,000 bagi membolehkan bank-bank tersebut memenuhi permintaan para pemutang dagangan. Malah kadar pembayaran balik pinjaman tersebut juga dibuat pada kadar yang tidak terlalu membebankan kerana bank-bank tempatan tersebut mampu membuat bayaran balik mengikut jadual (D.C.C.A.O 184/1945). Walaupun begitu, tidak semua bank tempatan mengambil pinjaman tersebut dan Yokohama Specie Bank sendiri juga tidak mendesak mana-mana bank tempatan untuk membuat pinjaman (D.C.C.A.O 184/1945). Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa Yokohama Specie Bank yang dimiliki oleh Jepun ini merupakan tunjang utama dalam mengawal aset Jepun di Pulau Pinang di samping menyelia perkembangan bank-bank tempatan dan bank-bank asing (selain Jepun) yang berada di Pulau Pinang.

Nippon Government Post Office Savings Bank

Nippon Government Post Office Savings Bank di Pulau Pinang juga menjadi penggerak kepada sektor perbankan bagi urusniaga yang melibatkan simpanan dan pengeluaran wang oleh penduduk Pulau Pinang semasa perperangan terjadi di Tanah Melayu. Bank simpanan Pejabat Pos ini telah dibuka pada bulan September 1942 semasa pendudukan Jepun (Noor Hayati Harun 1992). Laporan *Annual Report of the Postal Department for the Year 1942* (1942) ada menyatakan peraturan bagi membuka akaun dengan bank ini adalah seperti berikut: "... in the first instance accounts were permitted to be opened only by any person who has attained the age of 18 years (and not under legal disability) or by a married woman, in his or her own behalf ...".

Pentadbiran tentera Jepun turut menetapkan jumlah minimum kadar simpanan iaitu \$1/- dan had dalam mana-mana tempoh dalam setahun ialah \$2000/- dengan jumlah maksimum yang boleh terdapat dalam sesebuah akaun adalah sebanyak \$5000/- (*Annual Report of the Postal Department for the Year 1942*). Perkembangan berkaitan Post Office Savings bank di Pulau Pinang mengalami perkembangan yang baik dari segi jumlah simpanan dan pengeluaran yang dibuat di bank ini melalui tindakan tentera Jepun yang melakukan polisi loteri. Hal ini boleh dibuktikan melalui berita yang diperoleh dalam akhbar keluaran Jepun pada zaman berkenaan seperti *Penang Shimbun*, *Syonan Shimbun* dan *Malai Sinpo* yang banyak mengeluarkan data bulanan perbankan di bank berkenaan (BMA No. 506/10 1943-1947).

Nanpo Kaihatsu Kinko

Selanjutnya, perniagaan ekonomi perbankan yang turut dipelopori oleh pentadbiran tentera Jepun ialah Nanpo Kaihatsu Kinko. Bank ini terletak di Sekolah Westlands. Bank ini berfungsi sebagai perbendaharaan sahaja dan menggunakan bilik kebal di No. 3, Chartered Bank (D.C.C.A.O 184/1945). Nanpo Kaihatsu Kinko juga dikenali sebagai Southern Development Bank bertujuan untuk menggalakkan simpanan (*Syonan Shimbun* 29 Januari 1944). Terdapat sebuah petikan daripada akhbar *Syonan Shimbun* (1944) seperti berikut: "... the activities of the department will be to cultivate the savings spirit among the people, to facilitate the increase of bank deposits and to collaborate with all banks in this respect ...". Perkara ini telah menunjukkan bahawa sememangnya telah berlaku perkembangan dalam ekonomi perbankan di Pulau Pinang melalui tindakan daripada Pentadbiran Tentera Jepun dalam usaha untuk meningkatkan kadar simpanan wang di bank milik Jepun semasa zaman Perang Dunia Kedua masih sedang berlangsung.

Ban Hin Lee bank

Pentadbiran Tentera Jepun turut membenarkan bank tempatan iaitu Ban Hin Lee Bank milik seorang individu Cina bernama Yeap Chor Ee untuk terus beroperasi sepanjang pendudukan Jepun di Pulau Pinang. Bank ini terletak di alamat 43, Lebuh Pantai, Georgetown, Pulau Pinang pada tahun 1942. Pada awal pembukaan semula bank ini semasa pendudukan Jepun, Ban Hin Lee Bank telah diurus oleh seorang pengurus bernama Mr. Goh Hok Siew (D.C.C.A.O 184/1945). Bank ini dibuka semula semasa pendudukan Jepun kerana Jepun memberi keizinan melaksanakan perniagaan sekitar bulan dua pada tahun 1942. Namun telah berpindah sementara ke alamat No. 300 Jalan Macalister pada tahun 1944 ekoran pengeboman udara oleh pesawat B-29 Amerika. Setelah itu, bank ini beroperasi semula di jalan Lebuh Pantai sehingga Jepun menyerah kalah kepada British pada hujung tahun 1945 (Quah 2021).

Semasa tempoh pendudukan Jepun di Pulau Pinang, Pentadbiran Tentera Jepun pada peringkat awal tidak terlalu masuk campur tangan dalam hal urusan bank Ban Hin Lee kerana pengasas bank ini, Yeap Chor Ee telah bertindak menjarakkan diri beliau dalam terlibat dengan tabung bantuan China sebelum bermulanya pendudukan Jepun. Hal ini demikian kerana, kebanyakan orang Cina tempatan lebih cenderung untuk menyertai secara aktif bagi menyokong usaha perang di China. Tindakan ini telah mengakibatkan tentera Jepun mula membanteras golongan ini dan berlaku siri pembunuhan secara beramai-ramai tanpa belas kasihan bagi menghapuskan komuniti daripada mempunyai unsur-unsur anti-Jepun (Quah 2021).

Perjalanan operasi perbankan bank Ban Hin Lee ini dilihat menunjukkan trend naik turun sepanjang tempoh pendudukan Jepun apabila bank Ban Hin Lee ini hanya dibenarkan melakukan transaksi tertentu sahaja. Transaksi yang dibenarkan adalah seperti urusniaga menerima simpanan wang, melakukan urusniaga tukaran wang, kiriman wang dan perkhidmatan peti keselamatan (Quah 2021). Hal ini berlaku disebabkan kerana kekurangan dana yang amat teruk pada waktu itu sehingga mengakibatkan pemegang akaun dihadkan jumlah pengeluaran simpanan wang pada had maksimum iaitu \$15 bagi setiap minggu. Para pemegang akaun juga terpaksa mengeluarkan wang dalam bentuk mata wang Jepun iaitu Dolar Jepun yang juga dikenali sebagai mata wang duit pisang dan tidak dibenarkan lagi melakukan urusniaga selain daripada Dolar Jepun semasa pendudukan Jepun di Pulau Pinang (Quah 2021).

Pentadbiran tentera Jepun turut melakukan sekatan terhadap ekonomi perbankan yang amat ketat sehingga urusniaga bagi pengiriman wang ke luar negara juga hampir terhenti. Contohnya, antara Pulau Pinang dan Singapura hanya dana melalui arah tertentu sahaja dibenarkan oleh bank untuk melakukan transaksi pindahan wang berdasarkan arahan yang dikuatkuaskan oleh Pentadbiran Tentera Jepun (Quah 2021). Perkara ini secara langsung telah memberi kesan kepada bank Ban Hin Lee, maka atas sebab itulah operasi bank ini sepanjang tempoh pendudukan Jepun boleh dikatakan tidak stabil pada setiap masa.

Indian Overseas Bank Ltd

Terdapat sebuah bank tempatan iaitu Indian Overseas Bank Ltd yang terletak di 21 Jalan China Ghaut, Pulau Pinang turut dibuka semula bagi urusan ekonomi perbankan semasa zaman perang iaitu ketika Jepun menduduki Pulau Pinang. Bank ini diuruskan oleh seorang pengurus bank bernama Mr. S. Ramasamy. Di samping itu, sebuah lagi bank milik orang India bernama Indian Bank Ltd yang terletak di 32, Lebuh Pantai, Pulau Pinang yang diurus oleh Mr. S. Krishnamoorthy juga memperoleh keizinan pihak Jepun untuk dibuka semula kerana operasi bank-bank ini tidak mendatangkan keraguan pihak Pentadbiran Tentera Jepun

(D.C.C.A.O 184/1945). Simpanan wang yang telah dibuat oleh para pelanggan bank berkenaan telah dibekukan akaun mereka, akan tetapi mereka dibenarkan untuk mengeluarkan semula wang mereka secara peringkat demi peringkat dalam bentuk mata wang Dolar Jepun sahaja (Noor Hayati Harun 1992).

Oversea-Chinese Banking Corporation Ltd

Semasa pendudukan Jepun di Pulau Pinang antara 1942 hingga 1945, sebuah organisasi bank yang sering muncul pada dada akhbar Jepun ialah Oversea-Chinese Banking Corporation Ltd. Bank ini terletak di alamat 28/30 Lebuh Pantai, Georgetown, Pulau Pinang berdekatan dengan bank Ban Hin Lee. Pengurus bank ini semasa awal pembukaan semula bank ialah Mr. Yeo Tiam Siew yang bertanggungjawab bagi mengurus perniagaan ini. Terdapat sebuah laporan yang menyatakan bahawa Overseas-Chinese Bank lebih popular berbanding Yokohama Specie Bank kerana dikatakan institusi bank agak jarang digunakan oleh orang awam kecuali oleh golongan kaya (C.A.O.D PS/408).

People's Bank

People's Bank dibuka pada bulan September 1942 di Pulau Pinang oleh Pentadbiran Tentera Jepun. Bank ini diwujudkan adalah dengan tujuan untuk membantu penduduk di Pulau Pinang bagi membaiki taraf hidup serta golongan saudagar yang memiliki modal yang sedikit (BMA No. 506/10 1943-1947). Golongan ini diberikan pinjaman wang bagi menjalankan perniagaan mereka sepanjang tempoh pendudukan Jepun. Bank ini juga berfungsi bagi melindungi masyarakat tempatan daripada ditindas oleh para peminjam wang yang sering mengenakan kadar faedah yang tinggi terhadap pinjaman yang dilakukan. Perkara ini tercatat dalam rekod seperti berikut: "... *This institution was apparently working in conjunction with the co-operative credit societies in order to combat the natives dependence on usurers ...*" (BMA No. 506/10 1943-1947).

Bank ini mempunyai banyak cawangan seperti di Pulau Pinang, Perak, Johor, Selangor dan Singapura (Noor Hayati Harun 1992). Perkembangan People's Bank yang ditadbir oleh pihak Pentadbiran Tentera Jepun dapat dilihat melalui pemberian modal sebanyak \$2800,000 di Tanah Melayu. Pinjaman kredit diberikan kepada individu yang dianggap mempunyai keperluan untuk dibantu. Sebanyak \$50 sehingga \$300 modal diberikan pada kadar faedah sekitar 5% dalam tempoh bayaran balik selama dua tahun. Jepun beranggapan bahawa kadar faedah sebanyak 5% ini agak rendah kerana bank ini berfungsi hanya untuk pinjaman semata-mata (BMA No. 506/10 1943-1947). Melalui pemberian pinjaman kredit oleh People's Bank ini, Jepun secara tidak langsung dapat memperoleh keuntungan daripada kadar faedah 5% tersebut selain daripada mengawal sistem kewangan dan kewangan penduduk tempatan sepenuhnya. Ternyata niat utama Jepun menubuhkan bank ini bukanlah semata-mata untuk membantu penduduk dan golongan saudagar di Pulau Pinang dalam memudahkan urusan masing-masing. Perkara ini dapat dilihat dalam catatan rekod seperti berikut: "... *From July 1942 to March 1943, financial control was characterized by establishment and expansion of branches of the Southern Regions Development bank and of the new People's bank, which makes smaller loans ...*" (BMA No. 506/10 1943-1947).

Walau bagaimanapun, jumlah peminjam yang meminjam daripada bank ini dan juga jumlah yang dipinjam juga dicatatkan pada kadar yang agak rendah kerana kadar faedah 5% yang diberi untuk pinjaman kredit yang dijangkakan oleh Jepun mampu mendatangkan pulangan yang berlipat kali ganda pada hakikatnya tidak menguntungkan mereka (BMA No. 506/10 1943-1947). Selain itu, Jepun turut mempunyai perancangan untuk mendapatkan

keuntungan daripada pemberian pinjaman kredit melalui bank ini supaya spekulasi dan inflasi harga dapat dikurangkan dan perkara ini terdapat dalam laporan seperti berikut:

... From April 1943 to the present, financial control has been characterized by the issue of the notes by the Southern Regions Development bank to replace military scrip and by an effort to absorb surplus capital in order to reduce speculation and price inflation ... (BMA No. 506/10 1943-1947).

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa Pentadbiran Tentera Jepun sememangnya mengawal dengan ketat setiap urusniaga yang dilakukan di setiap bank. Hal ini demikian kerana fungsi bank adalah sebagai medium untuk menyimpan wang dan juga pembayaran semula wang kepada pendeposit di bank-bank milik musuh Jepun. Selain itu, kawalan ketat terhadap sektor perbankan ini juga merupakan salah satu inisiatif oleh Jepun bagi membendung masalah inflasi yang berlaku ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu secara umumnya dan Pulau Pinang secara khususnya antara tahun 1942 hingga tahun 1945 (BMA No. 506/10 1943-1947). Masalah inflasi adalah merupakan masalah yang sukar dielakkan daripada berlaku pada ketika Perang Dunia Kedua masih sedang berlangsung. Masalah ini bertambah buruk apabila Jepun telah mencetak duit kertas daun pisang secara berlebihan dan tidak terkawal sehingga telah mendatangkan kerugian yang besar kepada pihak Jepun dan juga penduduk di Pulau Pinang secara khususnya (Kratoska 1992).

Walaupun Jepun mengawal sektor perbankan secara ketat dalam usahanya untuk mengurangkan inflasi, namun program insentif perbankan yang diperkenalkan oleh Pentadbiran Tentera Jepun untuk diikuti dan dilaksanakan oleh bank-bank tempatan dan bank-bank asing di Pulau Pinang dilihat turut memberi impak yang positif kerana bank-bank tersebut masih mampu untuk beroperasi dan berkembang dengan baik dalam tempoh pendudukan Jepun di Pulau Pinang.

PROGRAM PERBANKAN OLEH PENTADBIRAN TENTERA JEPUN

Pentadbiran tentera Jepun telah melaksanakan pelbagai jenis dasar ekonomi sepanjang tempoh pendudukan Jepun di Tanah Melayu dari 1942 hingga 1945 dalam usahanya untuk mengukuhkan kembali ekonomi di Jepun akibat sekatan ekonomi yang dikenakan oleh Amerika Syarikat, Britain, dan Belanda ke atas negara matahari terbit tersebut (Worth 1995). Antara dasar ekonomi Jepun di Tanah Melayu termasuklah dasar pengeksploitasi ekonomi Tanah Melayu untuk kegiatan perindustrian dan pembiayaan perang; dasar galakan ekonomi sara diri untuk penghasilan makanan harian; pengenalan mata wang Jepun; pelaksanaan catuan makanan bagi mengatasi masalah kekurangan bahan keperluan harian; dan layanan istimewa diberikan kepada *kaisha* (syarikat Jepun) (Mohd. Isa Othman 2002).

Kawalan terhadap sistem ekonomi di Tanah Melayu ini turut merangkumi kawalan terhadap sektor perbankan yang membolehkan urusan perbankan dan import eksport diuruskan secara efektif dan perkara ini dicatatkan dalam rekod seperti berikut: “*... there have been three distinct phases of Japanese control of banking in Malaya. Throughout these three periods, Japan has taken more in exports from Malaya and in goods supplied to Japanese forces in the area, than occupied areas ...*” (BMA No. 506/10 1943-1947). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa Pentadbiran Tentera Jepun banyak mengeksport bekalan yang terdapat di Tanah Melayu ke Jepun dan segala transaksi wang dibayar melalui sektor perbankan dengan menggunakan mata wang baharu iaitu Dolar Jepun yang diperkenalkan ketika penjajahan Jepun di Tanah Melayu (BMA No. 506/10 1943-1947). Ditambah pula dengan tindakan Pentadbiran Tentera Jepun yang mengawal sektor perbankan sepenuhnya iaitu seperti: pertama, menutup bank-bank yang dimiliki oleh musuh yang diperangi oleh mereka

dalam Perang Dunia Kedua; kedua, membekukan semua deposit dalam bank-bank tersebut; dan ketiga, menubuhkan bank-bank milik Jepun, maka hasil daripada inisiatif-inisiatif ini telah berjaya mengukuhkan dan memperluas lagi penguasaan Pentadbiran Tentera Jepun terhadap sistem kewangan dan perbankan di Tanah Melayu (BMA No. 506/10 1943-1947).

Pentadbiran Tentera Jepun sebenarnya amat mementingkan soal deposit simpanan yang terdapat dalam bank-bank yang terdapat di Tanah Melayu seperti Pulau Pinang dan di beberapa negeri lain seperti Kuala Lumpur dan Johor (D.C.C.A.O 184/1945). Hal ini adalah disebabkan kerana pihak Pentadbiran Tentera Jepun berpendapat bahawa deposit simpanan adalah merupakan salah satu cara bagi mengurangkan kos pentadbiran yang tinggi pada waktu itu (*Syonan Shimbun* Oktober 2604). Selain pengenalan cukai yang berat yang dikenakan terhadap para penduduk, Pentadbiran Tentera Jepun turut dapat menyerap lebihan dana melalui deposit simpanan di bank-bank oleh para penduduk di negeri-negeri jajahan Jepun bagi menampung kos operasi dan pentadbiran di Tanah Melayu (*Syonan Shimbun* Oktober 2604).

Menurut Mr. Chan Kumchee yang merupakan seorang akauntan terlatih merangkap setiausaha kepada Syonan Association of Accounts, beliau menyatakan bahawa Pentadbiran Tentera Jepun berpegang kepada satu slogan iaitu “*A dollar saved is a dollar earned*” ketika beliau diwawancara oleh wakil akhbar semasa pelancaran minggu peringatan bank simpanan pos pada bulan Oktober 1944 (*Syonan Shimbun* Oktober 2604). Jika diteliti dengan mendalam, slogan berkenaan jelas menunjukkan bahawa Pentadbiran Tentera Jepun amat menitikberatkan deposit simpanan oleh penduduk setempat supaya sektor ekonomi perbankan dapat memberikan pulangan hasil yang lumayan. Malah Mr. Chan Kumchee turut menyatakan bahawa: “... we must therefore co-operate by saving as much as we can until it hurts. In this way we will also be contributing to the war effort ...” (*Syonan Shimbun* Oktober 2604). Perkara ini turut membuktikan bahawa polisi yang menggalakkan deposit simpanan di bank-bank juga adalah secara tidak langsung turut membantu Pentadbiran Tentera Jepun dalam sepanjang tempoh pendudukan kuasa Jepun di Pulau Pinang secara khususnya dan Tanah Melayu secara umumnya.

Skim Loteri

Bagi menggalakkan penduduk tempatan di Pulau Pinang menyimpan atau mendepositkan wang simpanan mereka dalam bank-bank, Pentadbiran Tentera Jepun memperkenalkan program skim loteri dalam tahun 1942 yang telah diuruskan oleh The Malayan Bankers Association. Tiket-tiket loteri yang dicetak telah dijual secara bulanan melalui bank-bank di Pulau Pinang dalam skala jumlah yang agak besar (BMA No. 506/10 1943-1947). Menurut Noor Hayati Harun (1992), selain daripada usaha untuk meningkatkan kadar simpanan di bank-bank yang terdapat di Pulau Pinang, skim loteri ini diperkenalkan oleh Pentadbiran Tentera Jepun adalah juga untuk mengawal masalah inflasi yang mengancam Tanah Melayu semasa zaman Perang Dunia Kedua ekoran wang kertas Dolar Jepun telah dicetak secara berlebihan dan terlalu sedikit barang untuk dibeli pada waktu berkenaan (Noor Hayati Harun 1992). Pelaksanaan skim loteri oleh Pentadbiran Tentera Jepun ini telah dicatatkan seperti berikut:

... a series of lotteries dollar each. Various inducements such as prizes and attractive interest rates were offered in order to encourage savings accounts. At the same time regulations for vital commodities control, price control, and productive goods control have been issued as occasion demanded and have probably been adjusted to meet changing conditions... (BMA No. 506/10 1943-1947).

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa skim loteri dan juga pelaksanaan peraturan-peraturan yang ketat ke atas komoditi yang penting telah dikuatkuasakan oleh Pentadbiran Tentera Jepun sebagai langkah untuk menurunkan harga barang sekali gus mengimbangi spekulasi dan mencegah inflasi (BMA No. 506/10 1943-1947). Perkara ini turut dinyatakan dalam akhbar *Syonan Shimbun* (1942) seperti berikut,

... the lottery is intended to absorb spending money and inflationary tendencies which have resulted from the extravagant last minute defence construction programme inaugurated by the British Authorities shortly before the fall of Singapore as well as reinvestment and speculation by Chinese merchants who withdrew their investments from the Bourse on... (Syonan Shimbun Mei 1942).

Berdasarkan petikan di atas, ternyata inisiatif penjualan tiket loteri di Pulau Pinang juga dilaksanakan demi mengatasi masalah ekonomi yang berlaku di seluruh Tanah Melayu dan Singapura semasa era pendudukan Jepun. Usaha yang dilakukan oleh Pentadbiran tentera Jepun ini boleh dilihat menerusi penjualan loteri di bank-bank yang merupakan milikan Jepun dan juga bank-bank yang dikawal sepenuhnya oleh mereka. Segala arahan dan terma penyertaan diselaraskan bagi kesemua negeri jajahan tentera Jepun menerusi bank yang diberikan kuasa untuk mengendalikannya seperti the Malai Banking Association. Contohnya, tiket loteri dijual dan boleh didapati di bank-bank milik orang Cina di Pulau Pinang seperti Oversea-Chinese Banking Corporation dan bank Ban Hin Lee dalam bulan Julai 1942 (*Syonan Shimbun* Julai 1942).

Tiket loteri yang dikenali dengan nama Konan Saiken itu diiklankan dalam ruang iklan akhbar Jepun seperti *Syonan Shimbun* bagi menarik perhatian orang awam terutama yang menetap di Pulau Pinang untuk turut serta (*Syonan Shimbun* Julai 1942). Setiap tiket yang dijual berharga \$1 dan dasar ini diteruskan sehingga bulan Ogos 1945. Setiap penyertaan ditawarkan hadiah utama sebanyak \$50,000 (Kratoska 1998). Setiap pemenang boleh menuntut hadiah mereka daripada peniaga tempatan dan hadiah wang berkenaan tidak boleh dituntut selepas tarikh yang ditetapkan. Akhbar *Syonan Shinbun* (Mei 1945) ada melaporkan bahawa: “... the money paid out in advance by dealers will be refunded by Nanpo Kaihatsu Kinko and agencies such as appointed places of sale especially banks, all post offices and designated dealers. No objection against Nippon - Zin making purchases”.

Gambar 3, Loteri Pendudukan Jepun Malaya, \$1, Konan Saiken, S/no. 317818



Sumber: <https://auctions.trigo.co/lots/view/4-WUHQF/malaya-japanese-occupation-lottery-1-konan-saiken>

Gambar 4, Akhbar Syonan Sinbun bertarikh 31 Julai 2603 yang mengiklankan loteri Konan Saiken



Sumber: <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/page/syonantimes19430731-1.1.1>

Data-data berkaitan jumlah jualan loteri yang mempunyai nombor siri bagi setiap tiket yang dikeluarkan dan pemenang turut disiarkan dalam akhbar Jepun mengikut minggu atau secara bulanan. Setiap tiket yang terjual dikira oleh pihak perbankan untuk mengetahui kadar penyertaan oleh orang awam sekali gus hasil yang diperoleh oleh mereka (BMA No. 506/10 1943-1947). Seperti yang disebutkan pada awal tadi, Pentadbiran Tentera Jepun telah mengadakan skim loteri dengan menawarkan hadiah lumayan adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah inflasi yang membelenggu di Tanah Melayu secara umumnya dan di Pulau Pinang secara khususnya.

Skim Deposit Tetap berserta Skim Bonus

Pentadbiran tentera Jepun di Pulau Pinang turut mengadakan program ‘Skim Deposit Tetap berserta Skim Bonus’ dengan tujuan yang sama dengan skim loteri sebelum ini (Syonan

Gambar 5, Keratan Akhbar Syonan Shimbun tentang Konan Saiken

More Konan Saiken Tickets Will Be Sold In Syonan

THE FIRST three monthly issues of the Konan Saiken (lottery) were 300,000 tickets each. The tickets in these three issues were sold out within a few days from the dates they were placed on sale, and it has come to the knowledge of the Gunsei (Military Administration) that tickets bought by the public changed hands at a premium.

It is, therefore, apparent that the limit of 300,000 tickets per monthly issue is not equal to the public's demand for these tickets. In the circumstances, it has been decided to increase the fourth issue, which will be placed on sale on Monday, to 400,000 tickets, of which Syonan's allotment will be 200,000 tickets.

Particulars of the prizes in the fourth issue are:

FIRST PRIZE—one ticket ..	\$50,000
(The preceding number and the following number of the ticket winning the first prize shall draw consolation prizes) two of \$1,000 each ..	\$ 2,000
SECOND PRIZE—one ticket ..	\$20,000
THIRD PRIZE—three tickets of \$10,000 each ..	\$30,000
Fourth Prize—four tickets of \$5,000 each ..	\$20,000
Fifth Prize—eight tickets of \$1,000 each ..	\$ 8,000
Sixth Prize—20 tickets of \$500 each ..	\$10,000
Seventh Prize—400 tickets of \$100 each ..	\$40,000
Eighth Prize—800 tickets of \$50 each ..	\$40,000
Ninth Prize—2,000 tickets of \$10 each ..	\$20,000

Making a total of 3,239 tickets, with prizes totalling \$240,000.

U.S. COAL OUTPUT DROPS

Domei Shimbun

LISBON, July 29.—Secretary of the Interior and concurrently Fuel Administrator, Harold Ikes has declared that coal production in the United States is still on the decline, states a Washington report. He also announced that further gasoline rationing will be enforced in Mid-Western and South-Western States, in a few weeks' time.

INSPECTION PARTY RETURNS

Domei Shimbun

MANILA, July 30.—The Filipino Inspection Party of 17 members, who have been observing and investigating conditions in wartime Nippon since the middle of June, returned here this morning.

Sumber: <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/syonantimes19430731-1.2.7>

Shimbun Februari 1944). Program ini telah dilaksanakan oleh the Malai Banking Association dan akhbar *Syonan Shimbun* (1944) ada melaporkan bahawa:

... this scheme is like the ordinary fixed deposits, at fixed terms, as is being executed in all local banks but with this difference; the depositor enjoys a bonus in addition to the interest earned. Deposits of this nature will be in units or multiples of \$100 on which calculation will be based.

Skim deposit tetap berserta skim bonus ini mempunyai peraturan yang wajib dipatuhi oleh semua pihak iaitu kesemua anggota Nippon, bank milik orang Cina dan India yang beroperasi di Tanah Melayu dibenarkan mengendalikan skim ini. Dasar ini diselaraskan di semua tempat jajahan tentera Jepun sepanjang tempoh pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Sebagai contoh, skim deposit tetap berserta skim bonus ini dilaksanakan secara bulanan bermula 15 Februari 2604 (1944) sehingga 15 Mac 2604 (1944). Akhbar *Syonan Shimbun* (1944) melaporkan bahawa:

... application for deposit must be made during the handling period. The period of the deposit shall be for one year. On the day of application of the deposit the handling bank will allot a number to the depositor, on the deposit receipt for every unit of \$100.

Akhbar *Syonan Shimbun* (Februari 1944) turut melaporkan bahawa:

... That is to say if the deposit is for \$10,000 the depositor is entitled to receive 100 allotment numbers, but the depositor will not receive 3 allotment numbers, if deposits under two accounts with \$150 and \$170. He will only allowed 2 allotment numbers, that is one number for every deposit made to the unit of \$100. The rate of interest will be at 2.5 %.

The Malai Banking Association turut menyediakan hadiah yang berupa bentuk wang tunai. Sebagai contoh, hadiah khas bagi perseorangan bernilai \$10,000 manakala hadiah tempat pertama untuk setiap kumpulan berjumlah \$1000 dan seterusnya hadiah tempat kedua bernilai \$500 diberikan kepada dua buah kumpulan. Hadiah ini ditawarkan bagi menarik jumlah penyertaan dalam kalangan orang awam untuk menyimpan di bank-bank yang terdapat di Pulau Pinang dan juga negeri-negeri lain (*Syonan Shimbun* Februari 1944). Akhbar *Syonan Shimbun* (1944) turut menjelaskan bahawa:

... the greatest amount of savings in this highly successful drive was registered by Nippon banks with \$15,529,476.22, while Chinese and Indian banks made up the remaining deposits with \$2664331.54 and \$1360,174.03 respectively, it was disclosed here yesterday. Altogether 14,644 new accounts were opened during one - month campaign.

Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah skim deposit tetap berserta skim bonus pada bulan Oktober 1944 mengikut negeri. Tumpuan diberikan kepada Pulau Pinang.

Jadual 1, Jumlah Skim Deposit Tetap berserta Skim Bonus pada bulan Oktober 1944 mengikut negeri

Negeri	Oktober 1944	Mac 1945
Syonan	\$8,580,353.12	\$ 12,694,788.50
Pulau Pinang	\$2,594,379.80	\$ 2,566,697.54
Kedah	\$94,550.00	\$83,500
Johor	\$674,713.06	\$924,562.79
Melaka	\$697,527.62	\$922,023.61
Negeri Sembilan	\$445,000.00	\$486,204.64
Selangor	\$2830,343.89	\$2,597,145.18
Perak	\$2,141,837.24	\$3,839,943.08
Kelantan	\$285,900.00	\$205,000
Terengganu	\$420,847.13	\$400,735
Bintang-to	\$112,000.00	\$209,600
Pahang	\$676,519.93	\$495,715.08
Jumlah Keseluruhan	\$17,218,971.79	\$25,425,915.42

Sumber: *Syonan Shimbun*, November 1944 & April 1945

Berdasarkan Jadual 1 di atas, penyertaan dalam dasar yang dilakukan semasa pendudukan Jepun di negeri-negeri jajahan Jepun menunjukkan bahawa pendeposit di bank yang terdapat di Pulau Pinang dilihat berada pada tahap perkembangan yang baik berbanding negeri lain. Pihak Pentadbiran Tentera Jepun turut menyatakan bahawa kesedaran penduduk berkaitan kepentingan menabung semasa dalam perang semakin meningkat (*Syonan Shimbun* November 1944).

Skim Bonus Akaun Simpanan

Program ‘Skim Bonus Akaun Simpanan’ turut diperkenalkan oleh Pentadbiran Tentera Jepun di Pulau Pinang. Menurut akhbar *Penang Shimbun* (Mac 1944): “... *Penang Chinese are making a more intensive drive to encourage savings under bonus saving scheme. We are doing our best to give every co-operation to the authorities in the making the campaign a big success in Penang.*” Persatuan Cina Luar Negara (*Overseas Chinese Association*) turut berpandangan bahawa melalui pengenalan program ini maka akan dapat membantu ekonomi Pulau Pinang terutamanya sektor perbankan. Pandangan Persatuan Cina Luar Negara terhadap program perbankan yang dibuat oleh Pentadbiran Tentera Jepun dilaporkan oleh akhbar *Penang Shimbun* (Mac 1944) seperti berikut: “... *to assist Government to maintain the circulation of money in the most healthy state possible by the promotion of savings and absorption of floating funds*”. Maka adalah jelas bahawa program perbankan yang dibuat oleh pihak Pentadbiran Tentera Jepun lebih menjurus ke arah untuk menyelamatkan ekonomi semasa Perang Dunia Kedua dan program ini mendapat sokongan dan galakan daripada persatuan yang berasaskan kaum seperti Persatuan Cina Luar Negara.

Hal memberi sokongan kepada program skim bonus akaun simpanan ini adalah satu usaha yang bukan sahaja membantu Pentadbiran Tentera Jepun di Pulau Pinang dalam mengurus tadbir sektor perbankan, tetapi juga adalah untuk mengumpul komuniti Cina agar menyimpan simpanan mereka dalam bank-bank di Pulau Pinang (*Penang Shimbun* Mac 1944). Seperti program-program yang dibincangkan pada awal tadi, program skim bonus akaun simpanan ini juga dilihat dapat membantu Pentadbiran Tentera Jepun dalam usahanya mengawal kadar inflasi yang kian berada pada tahap yang tidak memuaskan.

Program skim bonus akaun simpanan ini juga dibuat secara mingguan dan turut dipantau oleh bank Nanpo Kaihatsu Kinko. Perkara ini diakui oleh pengurus bank berkenaan

iaitu Mr. Ohkura dan ahli Persatuan Cina Luar Negara yang berpandangan bahawa sebelum skim bonus akaun simpanan ini ditutup pada tarikh yang ditetapkan maka pihak mereka akan melakukan pelbagai usaha bagi merangsang simpanan yang telah dibuat agar komuniti Cina berasa bangga dengan sumbangan mereka terhadap kejayaan skim berkenaan (*Penang Shimbun* Mac 1944).

Skim Tiket Wayang Percuma Bagi Simpanan Mingguan

Pentadbiran Tentera Jepun turut menganjurkan program ‘Skim Tiket Wayang Percuma Bagi Simpanan Mingguan’ semasa pendudukan Jepun di Pulau Pinang antara 1942 hingga 1945. Pihak tentera Jepun melalui bank-bank yang terdapat di Pulau Pinang telah menawarkan tiket panggung wayang secara percuma bagi meningkatkan kadar simpanan di bank yang telah ditetapkan (*Penang Shimbun* Februari 1944). Antara akhbar yang aktif menyebarkan maklumat mengenai skim tiket wayang percuma bagi simpanan mingguan ini adalah seperti *Penang Shimbun*, *Syonan Shimbun* dan *Malai Sinpo*.

Melalui program skim tiket wayang percuma bagi simpanan mingguan ini, para pendeposit yang menyimpan pada minggu berkenaan memperoleh manfaat seperti yang telah dijanjikan. Akhbar *Penang Shimbun* (1944) melaporkan bahawa:

... free tickets to cinema shows in Penang will be given to all depositors in the Penang Post Office Savings bank by the local Post Office from Feb. 11 to Feb. 21 another savings week. Depositors wishing to take advantage of this opportunity should present their passbooks at any of the post offices in Penang when they will receive a ticket on which will be indicated the time and place at which the cinema will be shown.

Sebanyak 14,000 keping tiket panggung percuma telah diberikan kepada para pendeposit semasa minggu simpanan berlangsung yang bermula antara 11 Februari sehingga 21 Februari di bank Penang Post Office Savings dan berdasarkan laporan oleh akhbar *Penang Shimbun* (Februari 1944), telah dilaporkan bahawa lebih kurang 1500 tiket dikeluarkan setiap hari di Pejabat Pos sekitar Pulau Pinang sepanjang minggu berkenaan. Akhbar *Penang Shimbun* (1944) turut melaporkan bahawa: “... depositors in the Post Office Savings bank each received on application a ticket to Fuji Gekijo.”

Seperti program-program perbankan yang telah dihuraikan pada awal tadi, program skim tiket wayang percuma bagi simpanan mingguan ini juga antara program ekonomi perbankan yang dipelbagaikan oleh Pentadbiran Tentera Jepun dalam usaha mereka untuk mengatasi masalah inflasi yang membenggu semasa pentadbiran mereka di Pulau Pinang dan juga Tanah Melayu keseluruhannya sewaktu Perang Dunia Kedua masih berlangsung (*Penang Shimbun* February 1944). Perkara ini dapat dilihat menerusi slogan yang diguna pakai oleh Pentadbiran Tentera Jepun iaitu “Save more, and win the war” di kesemua tanah jajahan yang diduduki dan dimiliki oleh mereka (*Syonan Shimbun* Oktober 1944).

Kempen Simpanan Secara Berterusan

Program ekonomi perbankan iaitu ‘Kempen Simpanan Secara Berterusan’ juga antara program yang pernah dilaksanakan oleh Pentadbiran Tentera Jepun. Akhbar *Syonan Shimbun* (Julai 1944) melaporkan mengenai program kempen simpanan secara berterusan ini seperti berikut:

a scheme to encourage thrift and economy whereby every family will be asked to make regular monthly savings in the post office savings bank will shortly be introduced in Penang. The scheme will be discussed at a function in which the presentation of prizes to winners in the savings competition among Jikeidan divisions will be made.

Perkara ini menunjukkan bahawa sememangnya Pentadbiran Tentera Jepun telah menganjurkan pelbagai usaha, inisiatif dan juga program untuk dilaksanakan oleh bank-bank yang terdapat di Pulau Pinang dalam usaha untuk memperoleh maklum balas atau respon yang memberangsangkan daripada penduduk tempatan terhadap kempen simpanan secara berterusan tersebut (*Syonan Shimbun* Februari 1944). Perkara ini sejajar dengan laporan oleh bank Penang Post Office Savings yang menyatakan bahawa kempen simpanan secara berterusan boleh dianggap sebagai satu kempen yang berjaya kerana kempen tersebut telah menggalakkan penduduk tempatan mendepositkan simpanan mereka di bank-bank sehingga jumlah simpanan telah melonjak kepada angka yang memberangsangkan. Perkara ini dilaporkan oleh akhbar *Syonan Shimbun* (Februari 1944) seperti berikut:

In Province Wellesley, several hundred new depositors have been registered in the Post Office Savings bank since the campaign to encourage postal savings in commemoration of the second anniversary of the fall of Singapore while the savings of fixed depositors in accounts with local bankers, sponsored by the Savings Encouragement Department of the Malai Bankers' Association are mounting.

Laporan akhbar *Syonan Shimbun* di atas menunjukkan bahawa kempen simpanan secara berterusan yang dibuat secara bulanan dan mingguan yang dilaksanakan di Pulau Pinang semasa pendudukan Jepun telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk Pulau Pinang. Jadual 2 di bawah menunjukkan jumlah deposit awam dengan bank di Pulau Pinang antara tahun 1944 dan 1945:

Jadual 2, Jumlah deposit awam dengan bank di Pulau Pinang antara tahun 1944 dan 1945		
Negeri	Mac 1944	Mac 1945
Pulau Pinang	\$30,200,000	\$53,877,000

Sumber: *Penang Shimbun*, Jun 1945

Berdasarkan laporan oleh akhbar Jepun iaitu *Syonan Shimbun* dan *Penang Shimbun* berkaitan kempen simpanan secara berterusan yang turut melibatkan bank-bank di Pulau Pinang, adalah jelas menunjukkan bahawa dasar kempen simpanan yang dibuat oleh pihak bank dan pentadbiran tentera Jepun sememangnya dilaporkan memperoleh kejayaan semasa pendudukan Jepun itu.

Program-program perbankan yang dianjurkan oleh Pentadbiran Tentera Jepun untuk dilaksanakan oleh bank-bank yang terdapat di Pulau Pinang secara tidak langsung telah menunjukkan bahawa Pentadbiran Tentera Jepun adalah merupakan pihak yang mengawal sepenuhnya sektor perbankan di Pulau Pinang. Segala usaha dan inisiatif oleh Pentadbiran Tentera Jepun itu sebenarnya bukanlah untuk membantu penduduk di Pulau Pinang dalam meningkatkan taraf hidup mereka menjadi lebih baik melalui simpanan mereka di bank semata-mata, namun program-program tersebut telah dilaksanakan sebagai usaha untuk membendung masalah inflasi kerana duit kertas pokok pisang pada zaman penjajahan Jepun tidak mempunyai nilai ekoran cetakan tanpa kawalan.

KESAN PROGRAM PERBANKAN OLEH JEPUN: PERKEMBANGAN SEKTOR PERBANKAN DI PULAU PINANG

Hasil pengenalan program-program perbankan oleh Pentadbiran Tentera Jepun dan program-program tersebut telah dilaksanakan oleh bank-bank yang terdapat di Pulau Pinang, maka dapat dilihat bahawa sektor perbankan di Pulau Pinang semakin berkembang dengan baik. Hal ini bermaksud, sektor perbankan di Pulau Pinang telah beroperasi dengan baik sepanjang tempoh pendudukan Jepun antara 1942 sehingga 1945. Perkara ini dapat dilihat menerusi fungsi bank-bank pada waktu itu yang menjadi tempat untuk memberikan pinjaman kepada syarikat-syarikat perniagaan dan juga individu atau orang perseorangan.

Selain itu, bank juga berfungsi sebagai tempat mencetak wang kertas Jepun selain daripada fungsinya untuk menjaga wang atau simpanan milik penduduk tempatan yang telah mendepositkan simpanan mereka di bank-bank. Perkara ini menunjukkan bahawa Pentadbiran Tentera Jepun mempunyai kerjasama yang baik dengan bank-bank yang terdapat di Pulau Pinang agar matlamat mereka untuk mengawal sektor ekonomi dan sektor perbankan secara sepenuhnya dapat direalisasikan. Contohnya, bank Ban Hin Lee yang merupakan bank tempatan mampu beroperasi dengan baik sepanjang pendudukan Jepun walaupun turut menerima sedikit kesan semasa gerakan Sook Ching pada tahun 1942 apabila terdapat juruwang bank berkenaan hilang tanpa dapat dikesan (Quah 2021). Pada penghujung pendudukan Jepun, bank Ban Hin Lee masih kekal beroperasi tanpa ada satu pun bank ini telah ditutup (Quah 2021). Malah, setiap urusan yang dijalankan di bank Ban Hin Lee ini mempunyai kaitan rapat dengan pihak Pentadbiran Tentera Jepun kerana setiap urusan di bank ini menyumbang kepada usaha perang pihak Jepun dan juga membantu meringankan kos Pentadbiran Tentera Jepun di tanah jajahan (Quah 2021). Perkara ini turut diakui oleh Kratoska (1998) dalam bukunya seperti berikut:

New industries absorbed only a limited part of the labour force and the Japanese encouraged people to support themselves through subsistence agriculture and eventually drew workers into military construction projects. Neither activity generated income and with trade and primary production at a standstill, the administration faced difficulties in meeting its own expenses.

Maka atas sebab itulah semua bank yang beroperasi di Pulau Pinang dipantau dengan ketat oleh pihak Pentadbiran Tentera Jepun. Walau bagaimanapun, tindakan pihak Pentadbiran Tentera Jepun yang mencetak wang kertas pisang secara tidak terkawal atas tujuan untuk menampung kos operasinya di tanah jajahan telah mengakibatkan berlakunya inflasi yang teruk. Menurut Kratosaka (1998), walaupun pelbagai program perbankan seperti kempen simpanan secara berterusan telah dilaksanakan oleh Pentadbiran Tentera Jepun sebagai usaha untuk mengurangkan aliran atau edaran keluar wang ke dalam pasaran, namun masalah utama iaitu inflasi masih tetap gagal diatasi. Maka atas sebab itulah pada akhir pendudukan Jepun di Tanah Melayu secara umumnya dan Pulau Pinang secara khususnya, mata wang Dolar Jepun menjadi tidak bernilai. Menurut Kratoska (1998): “*the currency had lost most of its value although fear of Japanese reprisals forced people to continue accepting it and the vaults of the banks were filled with banknotes which were nearly impossible to invest*”.

Jika diteliti dengan lebih mendalam, matlamat utama pihak Pentadbiran Tentera Jepun membangunkan sektor perbankan bukanlah semata-mata untuk membantu meningkatkan taraf hidup penduduk Pulau Pinang secara keseluruhannya, akan tetapi lebih kepada kepentingan pihak Jepun itu sendiri. Hal ini demikian kerana Pentadbiran Tentera Jepun sebenarnya menanggung beban kos pentadbiran yang besar. Disebabkan jumlah simpanan di bank-bank semakin meningkat hasil daripada pelaksanaan program-program perbankan, serta

Pentadbiran Tentera Jepun telah memberi peluang kepada para penduduk tempatan untuk berhutang dengan bank-bank di bawah kawalannya, maka Pentadbiran Tentera Jepun dapat menggunakan wang di bank-bank tersebut bagi menampung kos pentadbiran dan pererangan (BMA No. 506/10 1943-1947). Boleh dikatakan di sini bahawa pihak Pentadbiran Tentera Jepun sebenarnya bertindak secara halus dengan memaksa penduduk Pulau Pinang untuk memindahkan harta terutamanya wang simpanan mereka kepada Jepun melalui simpanan mereka di bank-bank.

Walaupun begitu, adalah masih tidak dapat dinafikan bahawa hasil daripada perkembangan sektor perbankan di Pulau Pinang ekoran pelaksanaan program-program perbankan yang diperkenalkan oleh Pentadbiran Tentera Jepun, maka institusi perbankan dan penduduk di Pulau Pinang turut menerima manfaatnya. Akhbar milik Jepun iaitu *Penang Shimbun* (1944) pernah melaporkan bahawa Pentadbiran Tentera Jepun mendakwa bahawa ia berjaya mengurus dan mengelola sektor perbankan di Pulau Pinang dengan baik dan berkesan. Perkara ini boleh dilihat sebagai satu kesan baik yang terhasil daripada pendudukan kuasa Jepun di Pulau Pinang. Kesan pendudukan Jepun terhadap penduduk Pulau Pinang yang paling menonjol adalah seperti kejayaan pendaftaran perniagaan dalam kalangan ahli perniagaan di Pulau Pinang, penubuhan bank petani dan kadar pinjaman kewangan kepada golongan yang memerlukan telah dinaikkan.

Kejayaan Pendaftaran Perniagaan

Selepas setahun tentera Jepun berjaya menguasai dan bertapak di Pulau Pinang iaitu sekitar tahun 1942, satu tinjauan telah dilakukan oleh pihak Pentadbiran Tentera Jepun terhadap industri tempatan yang dilaporkan telah menunjukkan kejayaan dan mencapai kriteria yang ditetapkan. Perkara ini dilaporkan oleh akhbar *Penang Shimbun* (Disember 1942) seperti berikut:

Government has consistently encouraged local industry, the aim being to ensure the public of a reasonable supply of good products made in Penang. A step in this direction has been the registration of businesses, which will enable the authorities to keep in close touch with business conditions. To date, 5000 have already registered including 30 branches of big Japanese firm.

Semenjak pendudukan Jepun, kebanyakan industri tempatan berkembang baik terutama dalam sektor pengeluaran komoditi penting seperti sabun, ubat gigi, rokok, produk makanan dan pelbagai lagi keperluan asas hidup yang lain. Perkara ini dilaporkan oleh akhbar *Penang Shimbun* (Disember 1942) seperti berikut:

A great factor in contributing towards the ultimate industrial self-sufficiency of Penang has been the operation of the People's bank which has within a period of six months loaned out over \$200,000 to 5,000 families for the purpose of starting kampong industries.

Perkara ini turut diakui oleh Pengurus Persatuan Cina Luar Negara iaitu Mr. Heah Joo Seang yang menyatakan bahawa keadaan ekonomi perniagaan di Pulau Pinang semasa pentadbiran Jepun berada pada tahap yang baik menerusi pengagihan pinjaman bank oleh People's Bank pada tahun 1942 kepada golongan ahli perniagaan. Perkara ini dilaporkan dalam akhbar *Penang Shimbun* (Disember 1942) seperti di bawah:

... expressed the opinion that the economic structure was pregnant with vast possibilities. All material sources, he said would be harnessed and used to the best advantage. With the establishment in Penang of so "many Japanese firms of international repute, the indications were that: the consuming public would benefit from a constant supply of imported goods. The cost of living would be reduced and Penang has become to be recognised as a port even surpassing its importance in the past.

Maka adalah jelas bahawa kesan pendudukan Jepun terhadap golongan ahli perniagaan ini dapat mula dilihat mulai tahun 1942 kerana status ekonomi golongan ahli perniagaan ini berada pada tahap keadaan yang memuaskan. Justeru, adalah tidak dapat dinafikan bahawa pembukaan People's Bank oleh Jepun di Pulau Pinang pada awal penjajahan dilihat telah memberi kesan langsung yang baik kepada golongan ahli perniagaan kerana inisiatif tersebut telah menolong golongan ahli perniagaan ini membaiki taraf hidup mereka serta para saudagar yang bermodal kecil dalam perniagaan dibantu melalui pemberian pinjaman wang oleh People's Bank.

Penubuhan Bank Petani

Bank Petani telah ditubuhkan di Pulau Pinang semasa pendudukan Jepun pada sekitar tahun 1942. Hal ini demikian kerana petani adalah antara golongan bawahan yang terlibat dalam proses pinjaman yang melibatkan dana kewangan bagi mengusahakan tanah pertanian mereka. Perkara ini dilaporkan oleh akhbar *Penang Shimbun* (Disember 1942) seperti berikut:

Many intending cultivators have already applied for loans to the Community-Grow-More-Food Campaign Fund, popularly known as the Farmers bank, inquiries by Domei reveal. The fund planned with the purpose of encouraging cultivation of vacant lands in Penang and the Province and relieving unemployment was discussed at a meeting of Government officials and local leaders and was established on December 8 in commemoration of the first anniversary of the outbreak of the Greatest East Asia War.

Setiap permohonan perlu diserahkan kepada pengurus komuniti bahagian dana Cina dan diselia oleh Persatuan Cina Luar Negara. Malah, setiap pemohon perlu memberikan dua penjamin yang bakal bertanggungjawab untuk penggunaan amaun *bona fide* yang dipinjam. Setiap pinjaman yang diluluskan kepada golongan penternak dan petani boleh dibayar semula secara ansuran berdasarkan jumlah yang dimiliki selepas setiap tuaian dan penjualan ayam dan ternakan yang terjual. Dana yang mencukupi akan diberikan bagi setiap petani dan penternak agar memiliki dana pertanian dan penternakan sehingga musim seterusnya. Dalam kes yang tidak diingini atau luar jangkaan peminjam, pihak bank akan bertimbang rasa dan bersympati dengan cara pembayaran balik ansuran pinjaman (*Penang Shimbun* Disember 1942).

Ringkasnya, pendudukan Jepun di Pulau Pinang juga sebenarnya membawa kebaikan kepada golongan tertentu seperti golongan petani dan penternak kerana golongan ini telah memperoleh faedah untuk menggerakkan ekonomi perniagaan melalui skim pinjaman bank yang diberikan terhadap mereka pada awal penjajahan Jepun di Pulau Pinang (*Penang Shimbun* Disember 1942).

Kadar Pinjaman Kewangan Dinaikkan

Skim pinjaman kewangan telah diberikan oleh People's Bank kepada penduduk Pulau Pinang seperti petani, nelayan, peniaga dan sesiapa sahaja yang mahu mengembangkan perniagaan atau menambah stok jualan mereka. Golongan ini terus menerima manfaat yang baik apabila kadar pinjaman kewangan kepada mereka yang di bawah kelolaan Penang People's Bank telah dinaikkan jumlahnya. People's Bank berfungsi di seluruh Tanah Melayu dan beroperasi di bawah naungan Yokohama Specie Bank namun dana bagi pinjaman kepada peminjam disediakan oleh pihak kerajaan iaitu Pentadbiran Tentera Jepun (Kratoska 1998). Perkara ini dilaporkan dalam akhbar *Penang Shimbun* (Julai 1945) seperti berikut:

... in a further effort to extend more financial aid to those small business men, sundry traders and especially those engaged in farming pursuits, the Penang People's bank has decided to raise the maximum amount per loan which hitherto been fixed at \$500 to \$3000.

Hal ini dinyatakan sendiri oleh pengarah People's Bank iaitu Mr. Yeo Tiam Siew bahawa keputusan untuk menaikkan kadar pinjaman ini dibuat adalah hasil daripada tinjauan terhadap kadar kecukupan bekalan bahan makanan kepada seluruh penduduk di negeri Pulau Pinang sekali gus membantu para petani agar usaha mereka lebih berbaloi (*Penang Shimbun* Julai 1945). Akhbar *Penang Shimbun* (Julai 1945) melaporkan bahawa:

... with this end in view he [Mr. Yeo Tiam Siew] urged the farmers to come forward in large numbers and avail themselves of the facilities being offered by the People's bank. The director recalled that when the bank was established on June 5, 2602, it started with the maximum loan of \$300 which was subsequently increased to \$500 on August 10, 2603 and at the present to \$3000.

Kadar kenaikan pinjaman kewangan ini bergantung kepada keadaan semasa atau polisi yang dibuat oleh pihak bank untuk memberikan bantuan maksimum kepada golongan petani yang memerlukan dana tambahan. Peningkatan jumlah dana yang diberikan dapat membantu golongan petani untuk menjalankan dagangan mereka dengan lebih cepat (*Penang Shimbun* Julai 1945). Walaupun jumlah pinjaman dinaikkan oleh pihak bank namun kadar bunga masih berada pada kadar yang sama iaitu lima peratus setahun. Pihak bank menyatakan bahawa kadar berkenaan berada pada paras yang amat rendah. Seperti yang dilaporkan oleh akhbar *Penang Shimbun* (Julai 1945): "*loans obtained from the People's bank can be payable in monthly instalments or at a fixed period*".

Berdasarkan laporan oleh akhbar *Penang Shimbun* pada Julai 1945 itu, maka telah menunjukkan bahawa golongan petani di Pulau Pinang memperoleh bantuan kewangan yang sewajarnya bagi meningkatkan kadar bekalan bahan mentah. Justeru, boleh dikatakan di sini bahawa status ekonomi golongan petani pada waktu penjajahan Jepun dilihat berada pada tahap memuaskan menerusi program pinjaman kewangan yang diberikan oleh pihak Penang People's Bank (Noor Hayati Harun 1992).

Melalui pemberian pembiayaan pinjaman kewangan kepada golongan yang memerlukan itu, maka pihak Pentadbiran Tentera Jepun menjangkakan inisiatif pinjaman kewangan ini dapat memberikan pulangan keuntungan yang berlipat kali ganda daripada jumlah asal. Perkara ini secara tidak langsung turut memperlihatkan bahawa Pentadbiran Tentera Jepun sebenarnya tidak begitu bersungguh dalam membantu menaikkan ekonomi penduduk Pulau Pinang, sebaliknya hanya mementingkan keuntungan sendiri semata-mata (Noor Hayati Harun 1992).

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa ketika pendudukan Jepun di Pulau Pinang, sektor perbankan telah berkembang dengan baik dan progresif. Pada awal pendudukan kuasa Jepun di Pulau Pinang, banyak bank milik Jepun dan juga milik tempatan telah dibuka. Perkara ini telah menggalakkan kesemua bank yang terdapat di Pulau Pinang untuk beroperasi secara aktif dalam menarik perhatian para pelanggan untuk menyimpan di bank masing-masing. Setiap urusan dan transaksi di bank-bank di Pulau Pinang dikawal dan dipantau sepenuhnya oleh Pentadbiran Tentera Jepun sepanjang tempoh pendudukan Jepun.

Sektor perbankan terus berkembang dengan baik apabila Pentadbiran Tentera Jepun telah memperkenalkan pelbagai program kewangan yang telah membantu merancakkan lagi operasi institusi-institusi bank di Pulau Pinang walaupun pada ketika itu Perang Dunia Kedua masih sedang berlangsung. Kesan daripada perkembangan sektor kewangan ini, maka dapat dilihat bahawa pendudukan Jepun di Pulau Pinang antara tahun 1942 sehingga 1945 sebenarnya turut memberikan impak yang baik atau positif. Sebahagian besar penduduk di Pulau Pinang khususnya golongan petani, saudagar, golongan kelas menengah dan bawahan telah menerima manfaat melalui pinjaman kewangan yang telah diberikan kepada mereka.

Walau bagaimanapun, situasi ekonomi di Pulau Pinang tidaklah selamanya kukuh kerana ekoran daripada cetakan wang kertas Dolar Jepun yang tidak terkawal, maka telah berlaku inflasi. Perkara ini turut menjelaskan sektor perbankan kerana mata wang kertas Jepun menjadi tidak bernilai untuk digunakan pada waktu berkenaan. Menurut Quah (2021): “*The Japanese decided to issue their own currency notes but these were subsequently to become worthless when inflation soared*”. Perkara ini menunjukkan bahawa, walaupun akhbar *Penang Shimbun*, *Syonan Shimbun* dan *Malai Sinpo* telah menunjukkan sektor perbankan di Pulau Pinang berkembang secara pesat dan progresif sepanjang tempoh Pentadbiran Tentera Jepun, namun disebabkan mata wang pokok pisang menjadi tidak bernilai dan tidak laku di pasaran, maka wang yang disimpan di bank-bank juga menjadi kurang bernilai. Bagi mengatasi masalah ini, wang-wang simpanan tersebut perlu dilaburkan supaya pulangan yang diperoleh adalah melebihi kadar inflasi. Justeru, pihak Pentadbiran Tentera Jepun di Pulau Pinang telah mengambil langkah ini bagi membendung masalah inflasi. Maka perkara ini menjelaskan sebab musabab Pentadbiran Tentera Jepun memperkenalkan pelbagai program perbankan bagi menggalakkan penduduk tempatan mendepositkan wang simpanan mereka di bank-bank di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, Pentadbiran Tentera Jepun masih tidak dapat menangani masalah inflasi sepenuhnya di Pulau Pinang walaupun program-program perbankan yang dilaksanakan telah meningkatkan jumlah deposit di bank-bank. Hal ini demikian kerana jumlah deposit itu secara keseluruhannya masih belum dapat mengawal kadar inflasi secara berkesan. Ketidakmampuan pihak Pentadbiran Tentera Jepun dalam mengatasi masalah inflasi ini telah mengundang pelbagai masalah misalnya harga barang menjadi terlalu mahal sehingga perlu mendapatkan bekalan barang melalui pasaran gelap (BMA No. 506/10 1943-1947).

Ringkasnya, pendudukan Jepun di Pulau Pinang telah mendatangkan kesan yang positif kepada sektor perbankan antara tahun 1942 sehingga 1945. Sama ada bank milik tempatan maupun bank milik asing, masing-masing mampu menjalankan operasi kewangan dengan baik ekoran pengenalan pelbagai program perbankan oleh Pentadbiran Tentera Jepun yang telah merancakkan operasi perbankan di Pulau Pinang. Impak yang baik ini turut diterima oleh penduduk tempatan khususnya golongan yang mempunyai urusan dengan pihak bank berhubung soal pinjaman kewangan seperti golongan saudagar, peniaga, petani, penternak dan sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan pinjaman kewangan.

RUJUKAN

- Abdul Karim, Zulkefly. et al. 2008. "Pembangunan Kewangan dan Pertumbuhan Sektor-Sektor Ekonomi: Bukti Emperikal di Malaysia." *Jurnal Ekonomi Malaysia* 42.
- Abd. Rahim, Rahimin Affandi & Siti Maimunah Binti Kahal. 2017. "Ilmu Kolonial dan Islamisasi Alam Melayu: Analisis Kritikal." *Sejarah* 26.
- Akashi, Yoji and Mako Yoshimura (Eds.). 2008. *New Perspectives on the Japanese Occupation in Malaya and Singapore, 1941-1945*. Singapore: NUS Press.
- Annual Report of the Postal Department for the Year 1942*.
- Barber, Andrew. 2010. *Penang at War: A History of Penang During and Between the First and Second World Wars, 1914-1945*. Kuala Lumpur: AB&A.
- BMA No. 506/10. 1943-1947. Organisations and Activities of the Japanese Administration in Malaya.
- C.A.O.D PS/408. PART II: Security and Intelligence. CSDK (1) Intelligence Reports, Malaya.
- D.C.C.A.O 184/1945. Dokumen CASM (FIN) 012. [Fail Banking (Penang) – General].
- Harun, A. Ghapa dan Rupawan Ahmad. 1996. "Imperialisme Jepun dan Konsep Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya." *Jebat* 24.
- Harun, Noor Hayati. 1992. "Sejarah Sistem Kewangan Zaman Jepun di Tanah Melayu 1941-1945." B.A. Thesis. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Huen, P. Lim Pui. 1970. *Newspapers published in the Malaysia Area*. Singapore: Institute of Southeast Asia Studies.
- Huff, Gregg. 2020. *World War II and Southeast Asia: Economy and Society under Japanese Occupation*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Iriye, Akira. 1999. *Pearl Harbor and the coming of the Pacific War: A Brief History with Documents and Essays*. Boston: Bedford/St. Martin's.
- Jalil, Noriah. 1986. *Hari ini dalam Sejarah-Jilid IV*. Kuala Lumpur: Utusan Print Corp Sdn. Bhd.
- Kratoska, Paul H. 1992. "Banana Money: Consequences of the Demonetization of Wartime Japanese Currency in British Malaya." *Journal of Southeast Asian Studies* 23 (2).
- Kratoska, Paul H. 1998. *The Japanese Occupation of Malaya: A Social and Economic History*. St. Leonards: Allen & Unwin.
- Lim, Beng Kooi. 1973/74. "The Japanese Occupation in Penang, 1941-45." B.A. Thesis. Department of History. Singapore: University of Singapore.
- Malai Sinpo*. May 22, 2603 (1943).
- McClain, James L. 2002. *Japan: A Modern History*. New York: W. W. Norton & Company.
- Othman, Mohd. Dhari. 1992. "Malaysian Press: A Brief Account of Newspapers Published in British Malaya." *Jurnal Komunikasi* 8.
- Othman, Mohd. Isa. 2002. *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Quah, Seng Sun. 2021. *Ten Thousand Prosperities: The Story of Ban Hin Lee Bank*. Penang: Entrepot Publishing Sdn. Bhd.
- Sheikh Salim, Sheikh Othman. 2007. *Kamus Dewan: Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syonan Shimbun*. October, 2604 (1944).
- Worth, Roland H., Jr. 1995. *No Choice but War: The United States Embargo Against Japan and the Eruption of War in the Pacific*. Jefferson, North Carolina: McFarland.